

BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP

Bil. 4 Tahun 2022

APRIL 2022

KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAT: “Tanggungjawab Kewangan Bermula Daripada Saya” PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA



Khamis, 14 April 2011 – Cawangan Psikologi Bahagian Pengurusan PKPMP telah mengadakan **Program Pengurusan Kewangan Berhemat:** “Tanggungjawab Kewangan Bermula Daripada Saya” yang telah diadakan secara atas talian (*Zoom Meeting*). Program ini dihadiri seramai lapan puluh enam (86) peserta warga PKPMP dan Mahkamah Negeri. Puan Noorhaliza binti Abu Bakar dari Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menyampaikan ceramah pada hari berkenaan.

Objektif program ini adalah memberi kesedaran dan pentingnya sikap berdisiplin dalam perancangan perbelanjaan harian supaya tidak terperangkap dengan hutang yang membebankan. Sepanjang program ini berlangsung terdapat banyak impak yang positif dan menyelesaikan beberapa masalah yang dialami bagi sesetengah kakitangan warga PKPMP.



BULETIN @ PSIKOLOGI

BULETIN PSIKOLOGI & AKRAB PKPMP



PROGRAM *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY* (CSR) SEMPENA RAMADHAN RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM (AKRAB) JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) sempena Ramadhan telah diadakan di Masjid Mahmoodiah Presint 18, Putrajaya. Seramai 7 orang peserta menyertai program ini yang terdiri daripada wakil Seksyen Pengurusan Psikologi, Bahagian Sumber Manusia, JPM, ahli AKRAB daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Putrajaya (PKPMP), Malaysia *Government Call Center* (MyGCC), Bahagian Audit Dalam, JPM dan Jabatan Audit Negara.

Program ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim dalam komuniti di samping meningkatkan semangat kesukarelawan dalam kalangan ahli AKRAB. Kehadiran peserta telah disambut baik oleh YBrs. Dr. Shamsudin Mohamad, Pengerusi Masjid serta AJK. Dalam program ini, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh ahli AKRAB yang telah hadir. Antaranya, menyumbangkan tenaga bagi persiapan berbuka puasa dengan edaran bungkusan makanan dan minuman kepada komuniti yang hadir. Peserta juga turut bergotong-royong membersihkan kawasan masjid tersebut setelah selesai berbuka puasa.